

Terma dan Syarat Kaamatan Sugandoi Grand Merdeka 2018

1. Pertandingan Kaamatan Sugandoi Grand Merdeka 2018 adalah dianjurkan oleh GRAND MERDEKA DEVELOPMENT SDN BHD (MANAGEMENT CORPORATION).
2. Penyertaan adalah terbuka kepada dua kategori;
 - a. Kategori A = umur 10 hingga 16 tahun
 - b. Kategori B = umur 17 tahun dan ke atas
3. Setiap kategori hanyalah terhad kepada 15 penyertaan sahaja. Penyertaan adalah atas dasar “siapa cepat, dia dapat”.
4. Peserta hendaklah seorang warganegara Malaysia.
5. Borang penyertaan haruslah diisi dengan penuh dan dikembalikan sebelum 31 Mei 2018. Sebarang penyertaan selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.
6. Setiap penyertaan harus disertakan dengan yuran sebanyak RM10 untuk Kategori A dan RM20 untuk Kategori B.
7. Peserta Kategori A harus menyerahkan Borang Penyertaan bersama dengan Borang Akuan dan Kebenaran Ibubapa/Penjaga yang telah diisi penuh.
8. Hari dan masa pertandingan adalah pada 9 Jun 2018 bersamaan dengan hari Sabtu.
 - a. Kategori A: 10.30 pagi – 12 tengahari
 - b. Kategori B: 2.00 petang – 3.30 petang
9. Peserta hendaklah berada di tempat pertandingan sekurang-kurangnya satu jam sebelum pertandingan bermula untuk pemeriksaan dan ujian audio. Ini untuk mengelakkan sebarang masalah teknikal berlaku pada masa pertandingan berlangsung.
10. Setiap peserta hanya akan mempersembahkan sebuah lagu sahaja.
11. Lagu haruslah dinyanyikan dalam bahasa Kadazan Dusun Murut (KDM) sahaja.
12. Peserta haruslah menyediakan minus one berbentuk pendrive semasa hari pertandingan.
13. Peserta hendaklah menjaga disiplin dan ditegah daripada mengambil benda yang memabukkan / mengkhayalkan semasa pertandingan.
14. Peserta dikehendaki memakai pakaian tradisional semasa mempersembahkan nyanyian mereka.
15. Keputusan panel hakim dan juri adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan dilayan selepas pertandingan.
16. Pemenang 3 teratas untuk setiap kategori haruslah menghadirkan diri semasa Gala Night Ratu GM untuk mempersembahkan lagu pada malam tersebut.

17. Gala Night Ratu GM akan diadakan pada 9 Jun 2018, bermula jam 7.30 malam bertempat di Aras Bawah, Boulevard 2, Grand Merdeka Mall.
18. Pemenang juara Kategori A dan Kategori B juga haruslah menghadirkan diri pada hari kemuncak Ratu GM iaitu pada 10 Jun 2018, bermula jam 2 petang, di tempat yang sama, untuk mempersesembahkan lagu.
19. Semua hadiah berupa wang tunai akan diberikan kepada pemenang-pemenang dalam masa 7 hari selepas hari terakhir pertandingan.
20. Semua terma dan syarat yang tertera berhak ditambah atau ditukar oleh pengajur tanpa perlu memberitahu kepada mana-mana pihak sekalipun.
21. Pengajur tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerosakan pendrive minus one / iringan muzik peserta semasa pertandingan dijalankan.
22. Pengajur berhak menentukan giliran dan turutan peserta yang bertanding.
23. Pengajur tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kecederaan atau kemalangan yang berlaku ke atas peserta di sepanjang pertandingan berlangsung.
24. Penyertaan boleh dibatalkan atau ditarik semula oleh pengajur jika didapati penyertaan seseorang peserta itu tidak menepati terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh pengajur.

Tandatangan peserta,
